

22/02/1998

Pesona Underwater World Langkawi

Maznah Darus

MELAWAT Pulau Langkawi tidak akan lengkap kalau tidak berkunjung ke Underwater World Langkawi (UWL).

Terletak di Pantai Cenang, UWL menyediakan tarikan istimewa yang mengajak pengunjung menjelajah dunia di dasar laut.

Selain menikmati keseronokan menjelajah oceanarium itu, pengunjung juga berpeluang menimba pengalaman dan ilmu berharga mengenai kehidupan pelbagai spesies laut.

Dengan keluasan 3,038 meter persegi, UWL mempamerkan lebih 5,000 jenis ikan serta 500 spesies haiwan yang menjadikan dasar laut sebagai tempat penginapan dan pembiakan.

Oceanarium yang dibina dalam tangki berbentuk heksagon dengan dilengkapi terowong untuk pejalan kaki, turut memaparkan konsep seni bina dalaman yang unik dan berkesan.

Pengunjung yang menjejakkan kaki ke dalam oceanarium berkenaan, pasti tidak letih berjalan 15 meter sepanjang terowong itu kerana asyik memerhatikan pelbagai spesies penyu, ikan pari dan yu yang berenang bebas dalam tangki mengandungi 600,000 liter air itu.

Satu lagi ciri menarik dalam oceanarium itu ialah bahagian yang mempamerkan binatang tidak bertulang belakang yang mempertontonkan aneka spesies hidupan laut termasuk udang dan ketam.

Pengunjung juga berkesempatan memegang sesetengah hidupan laut itu di sebuah kolam dalam oceanarium berkenaan yang dibuka dengan rasminya oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, pada Mac 1996.

Sejak dibuka, UWL sudah menerima ribuan pelawat. Malah, oceanarium itu dipilih sebagai penerima anugerah Pusat Penarik Pelancong Buatan Manusia Terbaik 1996/1997.

Menurut Pengurus Besar UWL, Teoh Cheng Kung, pengalaman mengunjungi pusat itu boleh memberi ilmu berharga, terutama kepada pelajar di semua peringkat pengajian.

"Di samping menjadi tempat menimba ilmu, UWL juga dapat memupuk kesedaran di kalangan pengunjung mengenai pentingnya memelihara warisan semula jadi serta tanggungjawab melindunginya daripada sebarang pencemaran.

"Kebanyakan pengunjung yang ke Langkawi, terutama pada cuti persekolahan, tidak melepaskan peluang berkunjung ke UWL," katanya.

Menurut Teoh, pelbagai spesies baru sentiasa ditambah untuk memperkayakan khazanah dalam UWL khusus bagi memenuhi permintaan pengunjung segenap lapisan masyarakat, termasuk dari luar negara.

"Bagaimanapun sebelum hidupan laut itu dimasukkan ke dalam kawasan pameran, UWL menjalankan pemeriksaan serta kajian rapi terlebih dahulu untuk menjamin kesesuaiannya dengan alam ciptaan manusia yang disediakan," jelasnya.

UWL dibuka setiap hari mulai 10 pagi hingga 6 petang dengan bayaran masuk RM15 untuk orang dewasa dan RM10 kanak-kanak berusia tiga hingga 12 tahun.

(END)